



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27/12/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

## Air Selangor mohon maaf krisis bekalan air

**SHAH ALAM** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memohon maaf atas segala kesulitan dialami 336,930 akaun pengguna terjejas akibat pencemaran bau di Sungai Semenyih sejak Sabtu lalu.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Air Selangor, Abdul Halem Mat Som berkata, pihaknya juga menghargai kerjasama pengguna sepanjang gangguan bekalan air tidak berjadual berlaku di empat wilayah di negeri ini.

Menurutnya, bekalan air di kesemua kawasan terjejas pulih sepenuhnya sejak malam kelmarin.

"Kerjasama pengguna di sepanjang gangguan bekalan air tidak berjadual amatlah dihargai dan kami mohon maaf atas segala kesulitan," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Kelmarin, beliau me-



**ABDUL HALEM**

maklumkan, berdasarkan pemantauan bacaan tekanan di sistem agihan, peminoran bekalan air mengikut jumlah akaun berdaftar yang terjejas mencapai tahap 99.9 peratus.

Kesemua tiga wilayah iaitu Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang dan Putrajaya pulih seratus peratus manakala hanya wilayah Petaling mencapai peminoran 99.8 peratus.

Katanya, berikutan sebahagian besar kawasan



**Sinar** Hari ini  
 23 Disember 2019  
 Gangguan bekalan air hampir pulih sepenuhnya  
 12/12/2019 10:30 AM

Bekalan air di empat wilayah terjejas pulih sepenuhnya sejak malam kelmarin.

sudah menerima bekalan air, kebanyakan pusat khidmat setempat dan piliawan ditutup sejak jam 12 tengah malam kelmarin.

Pengguna yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang di [www.airstelangor.com](http://www.airstelangor.com) atau terus rujuk aplikasi telefon pintar Air Selangor, Facebook dan Instagram Air Selangor.

Terdahulu *Sinar Harian* melaporkan peng-

guna di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air sejak Sabtu lalu ekoran insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Jumlah akaun, pengguna terjejas bertambah kepada 336,930 apabila LRA Bukit Tampi yang menerima sumber air mentah dari Sungai Semenyih turut dihentikan operasi sejak Ahad.